



KHADIJAH Chik, 57, menyusun bawang untuk dijual di Pasar Payang, Kuala Terengganu.

Pelanggan merungut

Ipoh: Peniaga di Pasar Besar Ipoh di sini, terpaksa berdepan rungutan pelanggan sejak beberapa bulan lalu susulan kenaikan harga bawang yang terlalu tinggi.

Seorang peniaga, Noorjahan Mohd Ibrahim, 41, yang sudah lebih 20 tahun berniaga di pasar berkenaan berkata, dia terpaksa menaikkan harga bawang besar empat kali ganda berbanding biasa kerana turut memperoleh bekalan dengan harga tinggi daripada pemborong.

"Sebelum ini, kami menjual bawang besar antara RM2.50 hingga RM3 sekilogram tetapi sejak dua bulan lalu, harganya naik hingga RM7 sekilogram," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, dia juga terpaksa mendapatkan bekalan bawang besar diimport dari China dan Pakistan kerana terputus bekalan dari India sejak dua bulan lalu.

Seorang lagi peniaga, Noorzihan Aji Alang Wahi, 57, ber-

kata, dia kini tidak lagi menjual bawang besar dari India selepas harganya naik terlalu tinggi.

"Sebelum ini saya hanya menjual bawang besar dari India dengan harga antara RM3 hingga RM5 sekilogram tetapi sejak bulan lalu sudah tidak menjualnya kerana harganya terlalu tinggi.

"Sekarang saya hanya mengambil dan menjual bawang besar diimport dari Belanda," katanya.

Menurutnya, dia juga terpaksa menjual bawang merah pada harga RM10 sekilogram berbanding RM5 sejak dua minggu lalu.

Guru, G Shalini Devi, 34, berkata, dia ke pasar setiap minggu untuk membeli barangan dapur terutama bawang.

"Kalau sebelum ini saya membeli bawang besar dengan harga RM3 hingga RM5 sekilogram tetapi sekarang harga meningkat lebih sekali ganda," katanya.